

# UMS, Kediaman Kolej Tun Mustapha anjur pertandingan kawad kaki Seantero

UB 12.5.16 B5

KOTA KINABALU: Pada hujung minggu yang lepas, satu pertandingan kawad kaki dianjurkan oleh Kolej Kediaman Tun Mustapha, Universiti Malaysia Sabah.

Pertandingan kawad kaki Seantero UMS dirasmikan oleh Pengetua Kolej Kediaman Tun Mustapha Left. Kol. (PA) Dr. Mohamad Nizam Bin Nazarudin yang pensyarah sains sukan UMS. Pertandingan ini ditaja sepenuhnya oleh Jabatan Penerangan Sabah dan F&N Beverages Marketing Sdn. Bhd. Pertandingan ini bertempat di Padang Kawad, UMS dan bermula pada jam 6.00 pagi dan berakhir pada jam 12.30 tengahari.

Pertandingan kawad kaki ini disertai oleh lima badan beruniform UMS iaitu Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES Darat, Udara, dan Laut), Sukarelawan Siswa-Siswi Polis (SUKSIS), dan Siswa-Siswi Pertahanan Awam (SISPA).

Pertandingan ini diadakan



**KOR SUKSIS UMS**

bertujuan untuk mewujudkan persaingan yang sihat dikalangan unit beruniform Kolej Kediaman Tun Mustapha.

Pengarah Program, Muhammad Yusri Bin Hassan berkata, matlamat pertandingan ini untuk mendedahkan pelajar dan ahli jawatankuasa pelaksana dan peserta mengenai teknik, formasi dan kepelbagaian dalam seni kawad kaki.

Disamping itu, dapat

mengeratkan jalinan yang kuat dikalangan semua pelajar badan unit beruniform di Universiti Malaysia Sabah, UMS".

Pertandingan ini diadili oleh Pw U 1 Mokhtar Bin Regby sebagai merupakan ketua juri, dan dibantu oleh BMPAP (GI) Franky Anak Unyat, PBT Rossaidi Bin Hashim, KPL Sopian, Tuan Zaidi Bin Zakaria, SJN Jairi Bin Samuein dan SJN Salleh Asin Bin Halail.

Berdasarkan cabutan undi oleh jurulatih badan unit beruniform dalam mesyuarat yang telah diadakan, pertandingan kawad kaki dimulakan oleh Palapes Laut diikuti oleh Palapes Darat, Palapes Udara, Kor Suksis dan diakhiri oleh SISPA. Diakhir pertandingan tersebut, wakil tahun 1 KOR SUKSIS UMS yang juga merupakan pemenang tempat ketiga dalam pertandingan KKTM Got Talent membuat

persembahan tarian.

Pertandingan tersebut telah dijuarai oleh PALAPES Darat, tempat kedua KOR SUKSIS, tempat ketiga PALAPES Udara, tempat keempat SISPA dan tempat kelima PALAPES Laut. Pertandingan ini berjalan dengan lancar dan kesemua badan unit beruniform menunjukkan persembahan yang baik serta diharapkan program sebegini akan berterusan di masa akan datang.